



| | |
|----------------------------|--|
| 1. JAWATAN | : AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN |
| | KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN |
| | SUMBER-SUMBER UTAMA |
| BAHAGIAN | : II |
| TANGGAGAJI | : B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN) |
| KEKOSONGAN | : SATU (1) |

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Patologi Tumbuhan / Pengurusan Penyakit Tanaman / Perlindungan Tanaman / Pertanian / Botani Pertanian / Hortikultur dengan pengkhususan di bidang Patologi Tumbuhan / Mikrologi Tumbuhan / Bakteriologi Tumbuhan / Virologi Tumbuhan atau bidang bersesuaian.
- b) i) Sedang berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebagai Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.
- c) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN:

1. Mengetahui undang-undang dan peraturan, garispandu dan piawaian berkaitan dengan Perlindungan Tanaman khususnya dalam bidang Penyakit tanaman di dalam negeri dan antarabangsa seperti SPS dan IPPC.
2. Membuat laporan, risalah-risalah dan dokumentasi penyakit tanaman dan pengumpulan data maklumat (*Database*) untuk rujukan.
3. Mengendalikan kursus dan latihan mengenai penyakit tanaman serta pengawalan kepada kakitangan Jabatan dan peladang.
4. Menyelaras dan mengendali kerja-kerja diagnostik dan pencaman yang berkaitan dengan penyakit tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain tanaman di ladang terutama yang disebabkan oleh fungi, bakteria, nematod dan virus.
5. Merancang dan melaksanakan kaji selidik pengumpulan data kajian makmal dan ladang dan membuat syor-syor kawalan yang bersesuaian mengenainya.
6. Membuat dan menyediakan kertas kerja projek mengenai pengawalan dan pengurusan penyakit tanaman utama dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek.
7. Merancang, menyelaras dan melaksana kerja-kerja mengemaskinikan dan peningkatan koleksi herbarium dan kultur dan kerja-kerja diagnostik dan pencaman yang terkini seperti menggunakan teknik ELISA, BIOLOG dan PCR di Makmal Penyakit Tanaman, Unit Perlindungan Tanaman.
8. Memberi khidmat nasihat kepakaran dan syor-syor kawalan dan teknologi terkini yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan penyakit tanaman.
9. Merancang, menyelaras dan melaksana program Pengurusan Musuh Bersepadu (IPM) tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman-tanaman ladang lain.
10. Merancang, menyelaras dan melaksana kerja-kerja pemantauan dan kawal-selia penyakit tanaman yang utama seluruh negara.



11. Merancang, menyelaras dan melaksana program-program latihan mengenai pengurusan penyakit tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman-tanaman ladang dan kaedah-kaedah kawalannya termasuk kadah pembelajaran sekolah perladangan (*Farmer's Field School*) dan Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practice*) kepada kakitangan Jabatan dan peladang.
12. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
13. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.